

29 JUN 1996

Mahathir-Projek

KERAJAAN TIDAK BERNIAT BELAKANGKAN RAKYAT DALAM PROJEKNYA

LANGKAWI, 29 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan tidak berniat untuk membelakangkan rakyat dalam semua hal terutama yang membabitkan projek infrastruktur.

Sebaliknya, beliau berkata semua projek infrastruktur itu semata-mata bertujuan supaya rakyat negara ini dapat hidup dengan lebih selesa.

"Kita, baik Kerajaan Pusat mahupun Negeri tidak berniat lain kecuali untuk menyenangkan rakyat. Apa yang kita buat hanya untuk rakyat termasuklah kadang-kala ada projek yang kita buat tanpa bertanya terlebih dahulu kepada rakyat.

"Kita buat begini kerana kita percaya rakyat dapat faedahnya dan akan memikirkan bahawa projek itu adalah baik dan untuk kesenangan mereka juga," katanya semasa berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di tapak pasar malam Padang Matsirat di sini.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata semasa kerajaan memutuskan untuk memberikan taraf bebas cukai kepada Langkawi, penduduknya tidak pun ditanya mengenai pandangan mereka.

"Penduduk Langkawi ketika itu tidak pun ditanya sama ada mereka suka atau tidak dengan keputusan kerajaan tapi kita lakukannya kerana kita tahu ia adalah untuk kebaikan rakyat juga," katanya.

Dr Mahathir berkata ternyata kini kerajaan telah membuat keputusan yang tepat ketika ini dan Langkawi sekarang menikmati kemajuan yang mungkin tidak pernah diimpikan oleh penduduknya dahulu.

"Banyak faedah yang telah dinikmati oleh penduduk Langkawi seperti peluang perniagaan yang tidak putus-putus dan nilai hartanah yang tinggi.

"Kita dapati ramai juga penduduk pulau ini yang dahulu rumah mereka hanya berdindingkan papan tapi kini sudah diganti dengan batu dan Padang Matsirat kini mempunyai lapangan terbang yang besar dan serba moden.

"Itu sahajalah niat kita setiap kali kita buat keputusan terhadap sesuatu projek iaitu supaya rakyat hidup senang dan selesa," katanya.

Dr Mahathir berkata seperti juga apabila kerajaan bercadang membina empangan untuk menjana elektrik, ia tidak bertujuan membesar-besarkan diri tetapi untuk rakyat.

"Kita buat ini kerana kita mahu dihormati oleh dunia. Kita mahu dunia mengenali kita dan keupayaan kita, bukanlah niat kita untuk membesar-besarkan diri," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid, isterinya Datin Seri Inangda Mayang Keumala dan Anggota Parlimen Langkawi, Datuk Haji Abu Bakar Taib. Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali juga hadir. -- BERNAMA

ZAA NMO